



UNTUK SIARAN SEGERA

JABATAN PERDANA MENTERI
AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA

KENYATAAN MEDIA

NADMA SAMBUT BAIK MOU MALAYSIA – REPUBLIK TÜRKİYE DALAM BIDANG PENGURUSAN BENCANA DAN KECEMASAN

Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) menyambut baik Memorandum Persefahaman (MoU) yang ditandatangani di antara Malaysia dan Republik Türkiye dalam bidang pengurusan bencana dan kecemasan.

MoU ini dibuat hasil daripada perbincangan berhubung kemajuan hubungan Perkongsian Strategik Komprehensif (CSP) semasa lawatan Rasmi Tuan Yang Terutama (TYT) Recep Tayyip Erdoğan, Presiden Republik Türkiye ke Malaysia pada 10 dan 11 Februari 2025 yang lalu.

Dalam konteks pengurusan bencana, Malaysia sememangnya telah menjalankan hubungan yang baik dengan Republik tersebut. Pasukan MyTeam Relief yang terdiri daripada Pasukan Mencari dan Menyelamat Khas Malaysia (SMART) dan agensi-agensi sokongan berkepakaran telah dihantar bagi membantu Kerajaan Republik Türkiye semasa kejadian bencana gempa bumi di Gaziantep pada 6 Februari 2023.

Bertitik tolak daripada misi bantuan kemanusiaan dan bencana tersebut, NADMA telah mengadakan perbincangan mengenai potensi kerjasama yang boleh dijalankan dalam bidang pengurusan bencana dengan *Disaster and Emergency Management Authority (AFAD), Ministry of Interior*.

Antara bidang kerjasama yang dipersetujui dalam pemeteraian MoU ini adalah seperti berikut:

- i. penganjuran program (lawatan, mesyuarat, kursus, seminar, pertukaran kepakaran dan sebagainya) berkaitan bidang pengurusan bencana dan kecemasan;

- ii. bantuan bersama dalam kejadian bencana dan kecemasan;
- iii. pertukaran pengetahuan dan pengalaman bersama dalam bidang pengurusan bencana dan kecemasan; dan
- iv. sebarang bentuk kerjasama dan bantuan lain yang berkaitan dengan pengurusan bencana yang dipersetujui secara bersama.

Melalui MoU ini, diharapkan kerjasama, komitmen dan kebersamaan kedua-dua buah negara dalam membentuk dan memperkuatkan pengurusan bencana dapat dilaksanakan dengan jayanya. Ini menunjukkan bahawa kepakaran pengurusan bencana negara dipandang tinggi oleh Republik Türkiye.

####

DATUK KHAIRUL SHAHRIL BIN IDRUS
Ketua Pengarah
Agensi Pengurusan Bencana Negara
12 Februari 2025